

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 110

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menangani gerakan normalisasi yang memperjuangkan ideologi liberalisme dan mengamalkan budaya songsang seperti LGBT serta menggunakan jenama Islam untuk agenda kebebasan beragama dan membuka aurat di kalangan Muslimah.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Islam sebagai sebuah agama rahmah telah memberikan kebebasan kepada umatnya. Walau bagaimanapun, kebebasan yang diberikan ini dibataskan dengan kawalan yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta peruntukan perundangan sedia ada sama ada dalam bidang syariah ataupun sivil.

Dalam menangani gerakan normalisasi yang memperjuangkan ideologi liberalism dan mengamalkan budaya songsang seperti LGBT, Kerajaan berpegang dengan kenyataan oleh YAB Perdana Menteri yang telah menegaskan dalam kenyataan beliau pada 21 September 2018 dan

yang terkini pada 16 Jun 2019 di Cambridge Union, United Kingdom bahawa amalan seperti LGBT tidak akan diterima sama sekali di negara ini. Bahkan Malaysia juga tidak akan mengalah kepada sebarang tekanan untuk menerima amalan songsang di kalangan rakyat negara ini seperti perkahwinan sesama jenis. Ini adalah kerana rakyat Malaysia seharusnya berpegang teguh kepada nilai-nilai moral berlandaskan adat, budaya dan agama yang sekian lama diterapkan di kalangan masyarakat tempatan.

Bagi isu menggunakan jenama Islam untuk agenda kebebasan beragama dan membuka aurat di kalangan Muslimah, Kerajaan juga mengambil maklum bahawa pada masa kini berlaku penularan ideology dan aliran pemikiran yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar seperti liberalism, pluralism, ateis dan lain-lain yang tersebar luas dalam masyarakat melalui media baharu seperti *youtube*, *facebook* dan *whatsapp*.

Justeru, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi agama Islam Peringkat Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan tiga (3) pendekatan dalam menangani isu berkenaan seperti berikut:

- i) Pelaksanaan undang-undang seperti Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) yang bersidang pada 5 Mei 1996, antara lain telah menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak;
- ii) Program Kesedaran seperti Program Kesedaran dan Advokasi berkenaan isu liberalisme, pluralism dan LGBT dalam bentuk seminar yang mensasarkan masyarakat awam termasuk pelajar-pelajar sekolah, universiti awam dan swasta (UA/US), kaunselor sekolah/UA/US, ibu bapa, sukarelawan sosial Islam, staf kesihatan

dan wakil NGO sosial Islam. Masyarakat turut didedahkan dengan bahaya fahaman liberalisme melalui medium dakwah secara bersemuka seperti khutbah dan diulang siar melalui medium penyiaran, rancangan-rancangan agama yang berteraskan keada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah diperhebat melalui siaran di TV dan Radio Kerajaan serta boleh diakses melalui media baharu; dan

- iii) Program Pendidikan melalui penerbitan buku dengan kerjasama strategik bersama Penerbit UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) pada Jun 2019 yang bertajuk 'Golongan LGBT dan Penyelewengan Tafsir' bagi membendung ideologi liberalisme termasuk menghalalkan budaya songsang LGBT. Ini kerana, sudah terdapat usaha di kalangan pendokong LGBT yang beragama Islam, yang telah menyelewengkan pentafsiran ayat-ayat Al-Quran tertentu untuk menjustifikasikan perlakuan LGBT tidak salah dari sudut Islam dan mencadangkan supaya golongan LGBT yang beragama Islam boleh melakukan perkahwinan sesama jenis. Sebelum ini, buku yang bertajuk 'Hadith-Hadith Sahih Tentang Perlakuan LGBT' telah diterbitkan oleh JAKIM pada tahun 2016 dan risalah yang bertajuk 'Memahami LGBT Dari Perspektif Seorang Muslim' telah diterbitkan oleh JAKIM pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.